

26/02/2004

Ruslan mesti perbetul salah anggap terhadap kerajaan

Putera Kajang

SAYA berasa ada sesuatu yang tidak kena, tidak betul dan menyimpang daripada isu sebenar ketika Kumpulan 12 yang dipimpin bekas Ketua Perhubungan Keadilan Negeri Sembilan, Ruslan Kassim menyeberangi jambatan untuk menyertai semula Umno.

Kenyataan Naib Ketua Pemuda Keadilan Malaysia, Zahid Mat Arip, sebelum itu antara lain menyebut: "Tiada sebab nak tentang Pak Lah" turut mencetuskan tanda tanya serta mengguris perasaan penyokong setia kedua-dua parti - Keadilan dan Umno.

Pada sidang media 11 Februari lalu, Ruslan antara lain berkata ini bukan masanya untuk menuding jari, ketepikan soal remeh-temeh dan titik bengik demi perpaduan Melayu.

Pada hari berikutnya, Ruslan dilaporkan berkata dia bersama kumpulannya menyertai Umno kerana yakin dengan kepemimpinan sekarang yang memperjuangkan nasib bangsa Melayu, membanteras rasuah dan pembaziran.

Persoalannya, bila pula Umno ketepikan perjuangan membela bangsa Melayu? Membanteras rasuah dilakukan berterusan, hanya dua kes `besar' meletup kebetulan baru-baru ini selepas disiasat sejak lama dulu, manakala pembaziran hanyalah satu persepsi.

Pada hemat saya, ini semua bukan isu. Ruslan sekadar ingin menutup kesilapan mereka dan mahu `menghalalkan' kepulungannya ke pangkuan Umno tanpa mencederakan ego mereka.

Satu dunia sudah tahu lahirnya Keadilan adalah ekoran pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 2 September 1998. Ruslan dan rakannya sudah menjaja Anwar difitnah, mangsa kepada satu konspirasi politik yang kononnya diketuai bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Tindakan mereka ini hampir menggadaikan kuasa politik orang Melayu apabila Pas `tumpang semangkuk' menanggung di air keruh dengan membakar semangat orang Melayu bahawa Anwar difitnah. Sedangkan sebelum 1998, Anwar antara pemimpin kerajaan yang menjadi cercaan mereka.

Saya berasa sangat kecewa bagaimana Ruslan boleh menganggap `tragedi 1998' sebagai titik bengik dan remeh-temeh.

Ia isu besar sebenarnya. Ruslan seharusnya bercakap benar pada sidang media. Dia perlu menjurus kepada isu Anwar saja bukan soal kepemimpinan baru.

Harus diingat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah sebahagian daripada isu besar ini kerana beliau berada di belakang Dr Mahathir dan menyokong segala tindakan yang diambil.

Jika Ruslan dan rakannya masih percaya bahawa Anwar difitnah, mereka harus berjuang menegak kebenaran dan kepercayaan mereka.

Jika mereka sudah sedar tidak ada sebarang konspirasi di sebalik tragedi yang menimpa politik orang Melayu itu, Ruslan harus kembali kepada akar umbi, memberi penerangan apa yang berlaku serta keterlanjuran mereka yang menyebabkan Dr Mahathir dipandang serong.

Cara kepulungan Ruslan dan rakannya itu tidak memberi impak kerana penyokong Keadilan masih tidak jelas duduk perkara.

Malah, mereka disogok isu baru bahawa Kumpulan 12 telah dibayar untuk kembali menyertai Umno.

Golongan yang membawa kepulungan mereka ini harus bertindak seperti Umno di Kelantan dan Terengganu menerusi projek Selamat Tinggal Pas dan Gelombang Biru yang bukan saja menarik pemimpin tetapi pengikut mereka

berduyun-duyun menukar jersi hijau kepada merah putih dan biru.

Pemimpin boleh datang dan pergi. Hanya pemimpin tulen kekal tetapi tanpa penyokong parti tidak boleh hidup. Ini asas politik kepartian.

Ruslan dan rakannya tidak boleh menebus dosa mereka dengan hanya menyebut: `Demi perpaduan Melayu'. Banyak kerja yang perlu mereka lakukan selepas membawa kerosakan yang sangat mengharukan.

Perpaduan Melayu tidak akan terjadi dengan hanya 12 orang masuk Umno tanpa membawa masuk sama ribuan ahli yang terpesong dan tertipu angkara mabuk kuasa.

PUTERA KAJANG,  
Bandar Baru Bangi,  
Selangor.